

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2021, VOL 4, Bil 2, Halaman 01

**Analisis Wajah-Wajah Qiraat Dalam Surah Al-Baqarah: Kajian Terhadap
Manuskrip Al-Quran Mss 4322**

**THE ANALYSIS ON TYPES OF QIRAAT IN SURAH AL-BAQARAH: A
STUDY ON AL-QURAN MANUSCRIPT MSS 4322**

Siti Azwanie Che Omar¹, Sedek Ariffin²

¹ Calon Phd Jabatan Al-Quran Dan Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, siti.azwanie@yahoo.com.

¹ Pensyarah Kanan Jabatan Al-Quran Dan Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, sedek2001@um.edu.my.

* Corresponding Author: Sedek Ariffin. Jabatan Al-Quran Dan Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, sedek2001@um.edu.my.

ABSTRACT

Code MSS 4322 is an abbreviation of a handwritten al-Quran manuscript, owned by Pangeran Jimat in Madura, Indonesia. In Indonesia, the qiraat used is qiraat Āṣim narrated by Ḥafṣ. According to previous history, the scholars have written and copied other qiraat on the Nusantara ancient Quranic manuscripts. One of them are in MSS 4322 Quranic manuscript. The main focus of this article is to analyse various types of qiraat in surah al-Baqarah. This study is carried out using philology approach method. The method used throughout this study is data collection method through documentation and history methods, by analysis al-Quran MSS 4322 manuscript. The findings show that al-Quran MSS 4322 manuscript is a manuscript from 17th century AD, while the qiraat used was qiraat Āṣim narrated by Ḥafṣ. There was a small number that used qiraat Nāfi' narrated by Qālūn. Hence, this study shows comparison between qiraat Āṣim narrated by Ḥafṣ and qiraat Nāfi' narrated by Qālūn. As a results from the findings of this study, the author proposes that this study to be continuously done on the qiraat of other surahs that have not been thoroughly studied. Therefore, al-Quran MSS 4322 manuscript is a masterpiece that will preserve the treasure of Islamic wealth on diversity of qiraat in Nusantara.

Keywords

Manuscript, Al-Quran, Qiraat, MSS 4322

ABSTRAK

Kod MSS 4322 adalah singkatan nama sebuah manuskrip al-Quran tulisan tangan milik Pangeran Jimat di Madura, Indonesia. Di Indonesia, jenis qiraat yang digunapakai adalah qiraat Āsim riwayat Hafṣ. Sedangkan menurut sejarah terdahulu, para ulama pernah menulis dan menyalin jenis qiraat yang lain pada mushaf al-Quran kuno Nusantara. Salah satunya itu adalah dalam manuskrip al-Quran MSS 4322. Fokus utama artikel ini adalah untuk menganalisis kepelbagaian qiraat dalam surah al-Baqarah. Kajian ini dilakukan melalui pendekatan filologi. Metode yang digunakan sepanjang kajian ini dijalankan adalah metode pengumpulan data melalui metode dokumentasi dan historis iaitu dengan cara menganalisis teks naskhah al-Quran MSS 4322. Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan mushaf al-Quran MSS 4322 adalah sebuah manuskrip yang berasal dari abad ke 17 Masihi manakala, jenis qiraat yang digunakan dalam mushaf adalah qiraat Āsim riwayat Hafṣ, hanya sebilangan sahaja menggunakan qiraat Nafi' riwayat Qalun. Justeru itu, kajian ini memperlihatkan perbandingan antara qiraat Āsim riwayat Hafṣ dengan qiraat Nafi' riwayat Qalun. Hasil daripada dapatan kajian ini, penulis mengemukakan cadangan supaya kajian ini dapat dilakukan secara berterusan pada qiraat surah-surah yang lain yang masih belum dikaji secara menyeluruh. Oleh itu, manuskrip al-Quran MSS 4322 ini merupakan karya agung yang akan melestarikan khazanah kekayaan Islam mengenai kepelbagaiaan qiraat di Nusantara.

Keywords

Manuskrip, Al-Quran, Qiraat, al-Baqarah, MSS 4322.

1.0 PENDAHULUAN

Penulisan al-Quran sebelum kemunculan mesin cetak menggunakan tulisan tangan. Penulisan mushaf al-Quran dengan tulisan tangan yang tertua dapat dikenalpasti pada abad ke-15 Masihi. Ianya disalin oleh Afifuddin Abdul Baqri Ibn Abdullah al-Adami di Pulau Ternate supaya menjadi rujukan kepada masyarakat setempat. Oleh sebab itu, terdapat keperluan terhadap naskhah-naskhah al-Quran dalam bentuk bertulis untuk tujuan pembelajaran dan bacaan. Kebanyakan daripada naskhah-naskhah ini kemudian dihantar keseluruh pelosok Alam Melayu yang memerlukan selaras dengan aktiviti dakwah yang diperlukan (Marzuki Syatri, 2017).

Penyebaran Islam di Nusantara berkembang pesat dengan kelahiran para ulama yang memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang disiplin ilmu. Contohnya ilmu qiraat. Dalam perbincangan ilmu al-Quran, qiraat adalah salah satu daripada disiplin ilmu keislaman dalam pembacaan dan memahami isi kandungan al-Quran. Daripada tujuh imam qiraat yang masih dipraktikkan, hanya terdapat empat qiraat sahaja yang terkenal iaitu daripada imam Nafi', Abu Amr', Ibn Āmir dan Āsim (Rahim, 2019) Namun begitu, tidak semua digunakan periwayatannya sebagai rutin bacaan umat Islam di seluruh dunia. Misalnya riwayat ad-Duri digunakan di sebahagian Sudan dan Afrika Barat, riwayat as-Susi jarang digunakan dan Imam Āsim riwayat Ḥafṣ digunakan hampir keseluruh dunia Islam (Rahim&Hamid, 2019).

Oleh sebab itulah di Indonesia, masyarakat Islam hanya mengenali satu variasi bacaan sahaja iaitu bacaan Āsim riwayat Ḥafṣ. Riwayat Ḥafṣ digunakan pada ketika ini bahkan sejak dari dahulu lagi. Hal ini menyebabkan munculnya persoalan yang mengatakan bahawa adakah Indonesia dan Nusantara hanya mengenali qiraat Āsim riwayat Ḥafṣ dan tidak pada qiraat yang lain. Secara jelasnya sejarah membuktikan bahawa Nusantara pernah menggunakan qiraat selain imam Āsim riwayat Ḥafṣ. Perkara ini boleh dikenalpasti pada mushaf-mushaf kuno Nusantara yang disalin oleh para ulama dan penyalin di sejumlah wilayah seperti Solo dan Makassar. Antara mushaf yang terdapat padanya qiraat selain qiraat Āsim riwayat Ḥafṣ adalah mushaf kuno Sultan Ternate (Mustopa, 2014).



2.0 METODOLOGI KAJIAN

Jenis reka bentuk kajian ini adalah kualitatif iaitu bersifat penelitian terperinci bagi menjelaskan maklumat atau isi kandungan kajian ini (Kamal Azmi, 2014). Tujuan utama penulis menggunakan metode ini adalah untuk menganalisis data-data yang telah dikumpulkan melalui perpustakaan (Chuan Yan Piaw, 2011). Kajian ini tertumpu pada manuskrip MSS 4322 karangan Pangeran Jimat dalam menganalisis teks naskah yang digunakan oleh beliau dalam manuskrip al-Quran.

Kajian ini berbentuk kajian perpustakaan yang menjadikan perpustakaan adalah metode utama untuk melakukan penyelidikan. Namun begitu penulis juga menggunakan metode lain untuk membantu kajian seperti metode historis dalam bab yang pertama. Pemilihan metode yang tepat adalah sangat penting kerana ia akan memberi kesan kepada kajian ini sama ada ia bersifat ilmiah atau sebaliknya. Ekoran hal itu, selain perpustakaan metode utama yang lain digunakan oleh penulis dalam kajian ini adalah metode pengumpulan data dan metode analisis data. (Ahmad Munawar, 2012).

2.1 METODE PENGUMPULAN DATA

Metode perpustakaan berkaitan dokumen kepustakaan. Ia adalah terdiri daripada buku, jurnal dan kertas kerja yang berkaitan dengan subjek kajian. Disebabkan kajian ini adalah kajian perpustakaan maka, penulis menggunakan metode ini untuk mendapatkan maklumat bagi keseluruhan bab-bab yang terdapat di dalam kajian (Ghazali Darusalam, 2016). Sebagai contoh bab satu dan bab dua, segala maklumat mengenai metodologi dan kodikologi manuskrip dikumpul daripada sumber rujukan perpustakaan. Antara perpustakaan yang menjadi rujukan penulis adalah seperti Pusat Arkib Negara Malaysia, Pusat Manuskrip, Perpustakaan Negara Malaysia dan Pusat Manuskrip, Dewan Bahasa Dan Pustaka.

2.2 METODE ANALISIS DATA

Setelah penulis berjaya mengumpul data melalui metode-metode yang telah disebutkan tadi, seterusnya penulis akan mengolah dan menganalisis data melalui beberapa metode penganalisan data. Antara metode tersebut adalah seperti berikut:

a. Induktif

Metode induktif dengan merumuskan satu kesimpulan kajian daripada bentuk khusus kepada bentuknya yang bersifat umum. Metode ini digunakan dalam hampir kesemua bab terutamanya ketika menjelaskan maksud-maksud yang tertentu, iaitu istilah-istilah yang digunakan dalam manuskrip al-Quran pada teks qiraat (Ghazali Darusalam, 2016). Contohnya, apabila penulis mengemukakan argumentasi dan penghujahan Pangeran Jimat terhadap metodologi yang digunakannya dalam menganalisis manuskrip al-Quran di Madura, maka penulis akan membuat signifikan serta rumusan bagi hujahan balas beliau secara keseluruhannya. Seterusnya penulis akan mengeluarkan kaedah-kaedah umum dan khusus yang disampaikan oleh Pangeran Jimat di dalam karyanya dan seterusnya penulis akan membuat kesimpulan daripada penelitian yang dilakukan secara mendalam terhadap kitab yang dianalisis.

b. Deduktif

Metode deduktif iaitu merupakan satu kesimpulan kajian bersifat khusus setelah dirujuk dari kenyataan yang bersifat umum. Penulis menggunakan metode ini dalam menghuraikan data yang diperolehi. (Siti Baroroh, 1985). Contohnya penulis akan membuat kesimpulan khusus setelah menganalisis secara terperinci terhadap manuskrip al-Quran ini.

c. Metode Analisis Teks (kolofon)

Melihat kepada karya teks al-Quran MSS 4322 karangan Pangeran Jimat, seorang tokoh ilmuan di Madura, Indonesia. Analisis teks al-Quran dikarang oleh penulis pada bab yang keempat kajian bagi menyelusuri pemikiran Pangeran Jimat berkaitan teks naskah dalam manuskrip al-Quran. Analisis teks juga turut dilakukan dalam bab keempat berkaitan kelebihan atau kekurangan yang terdapat pada mushaf serta ciri-ciri khas yang ada pada hiasan iluminasinya termasuklah identiti, gaya, warna dan asal usul manuskrip tersebut.



3.0 PENULISAN MANUSKRIP AL-QURAN DI MADURA

Kemasukan Islam ke Madura adalah pengaruh daripada pedagang-pedagang Asia yang juga mempunyai tujuan menyebarkan Islam di situ. Sebelum keruntuhan kerajaan Majapahit pada tahun 1572 Islam sudah bertapak dalam kalangan masyarakat Madura. Islam tumbuh di Madura semasa kepimpinan raja Johansari yang memerintah bermula tahun 1319-1331 di Sumenep yang mana dakwahnya telah disampaikan oleh Sayyid Ali Murtadha yang datang ke Sumenep (Akhmad, 2010). Namun ada juga pandangan lain yang mengatakan Islam di Madura telah masuk pada kurun ke 15 Masihi. Afif Abdullah dalam penulisannya bertajuk “Islam di Madura” mengatakan penyebaran Islam di Madura dipengaruhi oleh Sunan Ampel dan Sunan Giri iaitu dua orang ulama Wali Songo yang bernama Raden Muhammad Ali dan Muhammad Ainul Yakin.


Walaupun masyarakat Madura sudah menganuti agama Hindu-Buddha sejak 600 tahun yang lalu namun, Islam masuk ke Madura dengan cepat. Secara intensifnya Islam tersebar dari pelbagai jalur di Madura termasuklah melalui perdagangan, dakwah, perkahwinan dan golongan istana. Penyebaran Islam yang meluas di Madura, telah menubuhkan beberapa pondok pesantren yang didirikan sebagai pusat pendidikan dan penyebaran Islam di Madura sejak 16 Masihi lagi (Afif Amrullah, 2015). Pengajaran Islam di Madura hanya fokus pada hal-hal dasar seperti ucapan syahadat, solat dan bacaan al-Quran. Setelah sekian lamanya, kepercayaan nenek moyang di Madura hidup dalam kepercayaan animisme dan dinamisme. Namun dengan berkatnya kepatuhan orang Madura dan tanda hormat mereka kepada golongan yang lebih tua, ulama dan pemimpin, Islam dapat masuk ke Madura dengan damai tanpa adanya rusuhan, pemberontakan dan penolakan terhadap Islam.

Mempelajari al-Quran adalah rutin bagi masyarakat umat Islam di Madura yang tidak pernah ditinggalkan sejak dahulu. Pengajian al-Quran sudah disemai dalam diri kanak-kanak sejak dari mereka kecil lagi bagi memahami hukum tajwid dan kefasihan ketika membaca al-Quran. Beberapa pengkaji banyak mengatakan bahawa Madura disebut sebagai serambi Madinah dan pulau seribu santri. Hal ini kerana keadaan persekitaran masyarakatnya yang mengamalkan ajaran Islam. Justeru, pengaruh al-Quran jelas menunjukkan perkembangan pembelajaran al-Quran di Madura mempunyai pengaruh Islam yang sangat kuat bukan sahaja sekadar di luarannya bahkan diperlihatkan melalui akhlaknya juga (Ulfatun, 2019).

Sejarah penulisan al-Quran di Madura tidak dapat diketahui secara pasti bila, dimana dan siapa tokoh yang pertama sekali melakukan kajian terhadap al-Quran di Madura. Namun begitu, secara pastinya tradisi penulisan al-Quran berlangsung seiring dengan kedatangan dan penyebaran Islam di wilayah Madura iaitu pada kurun 15 Masihi. Hal ini adalah kepercayaan mutlak kerana masyarakat tidak mungkin memahami ajaran Islam tanpa mempunyai proses dialog dengan kitab sucinya. Hal ini terbukti dengan adanya beberapa karya dalam kajian al-Quran yang berkembang di Madura, baik berbahasa Madura, bahasa Indonesia bahkan bahasa Arab (Herman, 2014). Oleh sebab itulah, para ulama dan orang alim menulis al-Quran pada ketika itu kerana menjadi satu keperluan kepada masyarakat Madura sebagai panduan untuk memahami al-Quran secara terperinci.

4.0 KODIKOLOGI MANUSKRIP AL-QURAN MSS 4322

Manuskrip al-Quran MSS 4322 mempunyai ketebalan sepanjang 5 sentimeter. Terdapat 15 baris ayat al-Quran yang ditulis pada setiap halaman dan 12 perkataan bagi setiap perkataan ; ilus ; 32.2 x 21.2 sm. Di muka surat judul ada dicatatkan bahawa manuskrip ini kepunyaan Pangeran Jimat. Hal ini dibuktikan dengan tulisan tangan yang tercatat seperti berikut;



Catatan di atas menunjukkan bahawa mushaf tersebut menulis nama pengarang Pangeran Jimat tetapi tidak diketahui sejauh mana kesahihan mushaf itu adalah hak milik Pangeran Jimat. Berdasarkan maklumat awal yang diperolehi perkataan pangeran digunakan pada seorang yang sangat berpengaruh. Nama asal Pangeran Jimat ialah Raden Ahmad. Ayahnya bernama Pangeran Romo dan ibunya R.Ayu Gumbrek, Puteri dari Panji Polang Jiwo. Isteri Pangeran Jimat bernama Nyai Ratu Tirtonegoro. Pemerintahan beliau bermula pada kurun ke -17 Masihi. Beliau merupakan raja yang ke 27 yang memimpin di wilayah kekuasaan Kadepaten, Sumenep, Madura yang mana terkenal sebagai tempat para ulama dan wali. Sifat peribadi beliau adalah seorang yang tegas, kuat, berani, bercita-cita tinggi, mempunyai semangat untuk memberi manfaat kepada orang lain dan juga alim dalam agamanya. Salah satu karomahnya adalah beliau boleh membaca kata hati orang lain tanpa pengetahuan orang tersebut. Beliau tidak hanya menasihati masyarakat bahkan turut melaksanakan dahulu nasihat yang diberikan itu pada dirinya. Pangeran Jimat berjaya meluaskan daerahnya ke daerah Basuki dan Belambangan dan membuat migrasi penduduk ke daerah tersebut. Keadaan masyarakat pada pemerintahan beliau sangat aman, adil dan makmur. Beliau telah disemadikan di makam Putra Panembahan Ronggosukowati, di Asta Tinggi Kolpajung, Pemekasaan, Madura, Jawa Timur, Indonesia. Asta Tinggi merupakan kompleks pemakaman para raja dan keluarganya yang terletak di Sumanep, Madura, Indonesia (M Farhan, 2020).

Seterusnya, dalam mushaf MSS 4322 mempunyai setiap juzuk yang terdiri daripada 26 dan 27 muka surat atau terlebih dan tidak sama sekali ditanda penomboran pada setiap muka surat ayat. Kedudukan juzuk dalam manuskrip al-Quran MSS 4322 terletak di sebelah kanan dan kedudukannya berada di bahagian tengah. Pada setiap awal juzuk ditanda dengan tulisan yang lebih besar daripada ayat lain. Mulai dari awal ayat sampailah hujung baris. Di tepi ayat awal juzuk pula di tulis maklumat dengan hiasan kaligrafi vertikal contohnya kalimah al-Juz'u al-thani al-Juz'u thalith dan seterusnya hingga juzuk yang ke tiga puluh.

Menggunakan kertas daluang iaitu kertas yang diperbuat daripada kulit kayu pohon *papermulberry* atau disebut sebagai kertas kapas. Kertas tersebut bewarna putih kekuningan. Terdapat hanya sedikit kekotoran dan kebanyakan halaman berada dalam kondisi yang baik, teks juga terpelihara kerana telah melakukan langkah-langkah pemeliharaan dengan menyapu kapur barus pada manuskrip supaya tidak dirosakkan oleh serangga disamping menjaga ketahanan kertas dan jilidan. Dakwat bewarna hitam. Rubrikasi terdapat pada ayat dalam bahasa Arab seperti الواقعة وسبعون آيات سورة مدينة. Tulisan kemas, menarik, penulisan yang konsisten dan ditulis dalam bingkai bergaris tiga dengan kombinasi warna merah dan hitam. Iluminasi yang sangat indah di Iv., f.2r., 3v., f.4r di bahagian tengah manuskrip di f.313v. dan f314r. dengan perbezaan iluminasi bagi setiap muka surat seperti gabungan segi tiga geometrik, lukisan lingkaran daun, kombinasi pelbagai warna. Dijilid tebal, kulit daripada pokok kayu yang di ukir dengan lukisan bermotifkan flora yang berkerawang mengikut "blok"nya, kemudian disadur tembaga dan serbuk emas pada kulit dan kelepek jilidan tersebut. Mengandungi 114 surah-surah dalam al-Quran yang lengkap dengan 30 juzuk.

Hiasan pada tajuk surah-surah al-Quran dan jidar manuskrip pula adalah sederhana dan lebih berbentuk fungsional. Tajuk surah biasanya diletakkan dalam bingkai teks dan ditulis menggunakan dakwat merah sebagai pemisah antara surah. Tanda awal surah ditanda dengan garis persegi dengan dakwat bewarna merah. Di jidar manuskrip pula terdapat beberapa tanda seperti tanda juzuk yang ditandakan dengan warna merah. Pada tanda juzuk diberi tanda dengan tulisan



berbeza warna dengan teks naskhah, iaitu warna merah dengan tulisan yang lebih tebal. Namun terdapat pada beberapa lembaran yang lain ditambah dengan tulisan kaligrafi hias di tepi naskhah.

Pemerhatian penulis kepada kaligrafi mushaf al-Quran MSS 4322 adalah teratur dan cermat. Jarak antara huruf dengan huruf yang lain lebih rapat. Jumlah hurufnya kira-kira 34 hingga 39 huruf dalam satu baris. Ianya memenuhi kaedah penulisan kaligrafi yang benar sebagaimana yang dirumuskan oleh Ibnu Muqal. Gaya naskhi di sini, bukanlah naskhi dengan kaedah penulisan yang berlaku, tetapi suatu gaya naskhi yang bebas mengikut selera penyalinnya. Melihat kepada bentuk kaligrafi pengarang, dapat dikatakan penyalinnya seorang penulis kaligrafi yang mempunyai pemahaman mengenai penulisan yang benar secara teori dan praktikal. Tulisan kaligrafinya sangat sederhana dengan gaya naskhi yang tidak terikat, mengikut gaya penyalin.
















Secara amnya, manuskrip al-Quran MSS 4322 ini berkeadaan baik dan tidak koyak serta masih boleh dibaca teks al-Quranya. Terdapat kesan lusuh pada kertas yang digunakan, namun kertasnya masih lagi kukuh dan tidak rosak.

5.0 ANALISIS WAJAH-WAJAH QIRAAT DALAM MUSHAF AL-QURAN MSS 4322


















Jadual 1: Perbezaan antara qiraat Āsim, Qalun dan qiraat pada mushaf al-Quran MSS 4322 koleksi Pangeran Jimat

No.	Surah dan Ayat	Imam Nafi'	Imam Hafis	Mushaf MSS 4322	Keterangan
1.	Al-Baqarah 2/9				Imam yang membaca يُخَادِعُونَ dalam Nāfi', Ibn Kathīr dan Abū 'Amrū.
2.	Al-Baqarah 2/10				يُكْذِبُونَ dibaca oleh tiga imam Nāfi', Ibn Kathīr dan Abū 'Amrū.
3.	Al-Baqarah 2/29				هُوَ huruf hā dibaca sukun oleh al-Kisāī, Qālūn dan Abū Amrū.
4.	Al-Baqarah 2/30				Membaca yā secara fathah قَالَ قَالَ اِنِّيْ اَعْلَمُهٗ ketika wasal oleh imam Nāfi', Ibn Kathīr dan Abū Amrū.
5.	Al-Baqarah 2/61				اَلصَّبِيْنَ dibaca oleh imam Nāfi' dengan hamzah dan selainnya dengan ya. Warsh pula seperti asalnya pada hamzah.
6.	Al-Baqarah 2/62				Semua imam qiraat membaca dengan hamzah



					والصَّابِئِينَ kecuali imam Nāfi' yang membaca dengan membuang hamzah وَالصَّابِئِينَ.
7.	Al-Baqarah 2/74				فَهِىَ huruf hā dibaca sukun oleh al-Kisāi, Qālūn dan Abū Amrū.
8.	Al-Baqarah 2/85				Dibaca zā' tanpa tashdīd تَطَاهَرُونَ. Selainnya (al-Bāqūn) membaca dengan tashdīd تَطَاهَرُونَ.
9.	Al-Baqarah 2/98				dengan ithbāt hamzah dan hadhf yā dibaca oleh imam Nāfi'. Imam Hafs dan Abu 'Amru membaca dengan hadhf ya' dan hamzah وَمِثْكَائِلَ. Al-Baqun membaca dengan ithbāt yā' dan hamzah وَمِثْكَائِلَ
10.	Al-Baqarah 2/119				Qiraat sab'ah membaca dengan dammah tā' dan harakat lam juga dammah تَسْتَلْ kecuali imam Nafi' yang membaca tā' dengan fatḥah dan mensukunkan lam تَسْتَلْ.
11.	Al-Baqarah 2/124				Berkenaan cara membaca yā' yang diidāfah. Imam Hamzah dan Hafs membaca sukun yā' pada kalimah عَهْدِي الظَّالِمِينَ. Manakala al-Bāqūn membaca fatḥah pada



					kalimah عَهْدِي الظَّالِمِينَ.
12.	Al-Baqarah 2/125				Imam Nāfi' dan Ibnu 'Amir membaca khā dengan fathah وَأَتَّخِذُوا dan selain keduanya membaca dengan kasrah وَأَتَّخِذُوا .
13.	Al-Baqarah 2/132				Ibnu 'Amir dan Nāfi' membaca dengan bacaan وَأَوْصَىٰ dengan tambahan alif diantara dua wāw dengan mensukunkan wāw yang kedua. Manakala <i>al-Bāqūn</i> dengan membuang alif dan membaca fathah wāw yang kedua وَأَوْصَىٰ.
14.	Al-Baqarah 2/136				أَلْتَبِئُونَ dengan hamzah hanya dibaca oleh imam Nāfi'.
15.	Al-Baqarah 2/140				Ibnu 'Amir, Ḥafṣ, Hamzah dan al-Kisāi membaca dengan ta تَقُولُونَ. Manakala <i>al-Bāqūn</i> membaca dengan yā' أَمْ يَقُولُونَ.
16.	Al-Baqarah 2/144				Ibnu 'Amir, Ḥafṣ, Hamzah dan al-Kisai membaca dengan ta عَمَّا تَعْمَلُونَ. Manakala <i>al-Bāqūn</i> membaca dengan yā' عَمَّا يَعْمَلُونَ.
17.	Al-Baqarah 2/259				Pada kalimat نُنشِرُهَا imam Nāfi', Ibn Kasīr dan Abū Amrū membaca dengan huruf rā نُنشِرُهَا, sedangkan selain



					mereka membaca dengan huruf zai تُشِيرُهَا. Boleh terjadi juga menggunakan bacaan imam Ashimiaitu seperti penulisannya yang menggunakan huruf zai iaitu تُشِيرُهَا.
18.	Al-Baqarah 2/271				فَهُوَ huruf hā dibaca sukun oleh al-Kisāi, Qālūn dan Abū Amrū.

(Sumber: ‘Abd al-Faḥ ‘Abd Ghānī al-Qhāni al-Qāḍī, 1992)
 (Sumber: Sayyid Lāshīn&Khālid Muhammad, 2003)

Keseluruhannya, jenis qiraat yang digunakan dalam mushaf MSS 4322 ini, adalah qiraat Āṣim riwayat Ḥafṣ. Hal ini kerana yang pertama tidak terdapat keterangan dalam mushaf bahawa Pangeran Jimat menguasai tujuh qiraat. Kedua, jumlah ayat atau perkataan yang salah lebih sedikit, jika dibandingkan dengan ayat atau perkataan yang salah. Sedangkan ayat atau lafal yang tidak salah menggunakan qiraat Āṣim. Oleh itu, menurut pandangan penulis perbezaan penggunaan qiraat yang penulis sebutkan dalam contoh adalah murni, kesalahan bukanlah sebab perbezaan penggunaan sesuatu qiraat. Hasil penelitian ini menunjukkan bahawa manuskrip al-Quran MSS 4322 koleksi Pangeran Jimat secara konsisten menggunakan Āṣim riwayat Ḥafṣ.

Berdasarkan semua kalimah dalam mushaf al-Quran MSS 4322 di atas dengan huraian yang dijelaskan, menunjukkan kesemuanya bersesuaian dengan qiraat imam Nāfi’ seperti kalimah وَالصَّابِقِينَ dan النَّبِيِّينَ. Seterusnya pada kalimah وَهُوَ dan فُئِي yang dibaca dengan hā sukun oleh Abū Amrū, al-Kisāi dan Qālūn ini sendiri adalah salah seorang perawi daripada imam Nāfi’. Daripada keterangan tersebut dapat disimpulkan bahawa mushaf Pangeran Jimat MSS4322 ini juga ditulis menurut qiraat imam Nāfi’ riwayat Qālūn.

Mushaf al-Quran dengan qiraat Nāfi’ riwayat Qālūn merupakan bacaan yang unik dan jarang dijumpai dalam masyarakat Madura. Mushaf al-Quran yang banyak ditemukan dalam mushaf kuno dalam kalangan masyarakat Madura adalah qiraat Āṣim riwayat Ḥafṣ sehingga penulis mengandaikan bahawa mushaf MSS 4322 adalah mushaf yang disalin dan dibawa oleh Pangeran Jimat dari luar daerah Madura.

Hal ini menjelaskan, penggunaan qiraat Nāfi’ riwayat Qālūn menunjukkan bahawa fahaman ulama tentang ilmu qiraat sangat dinamis disamping terdapat keragaman pada penulisan mushaf kuno yang tidak selalu menjadikan qiraat imam Āṣim riwayat Ḥafṣ sebagai satu-satunya rujukan. Bagi melestarikan dan menjaga khazanah kekayaan Islam berkaitan kepelbagaian qiraat di Nusantara, pihak kerajaan perlu mengambil peranan dalam pemeliharaan terhadap mushaf kuno dengan pelbagai qiraah supaya dapat dipelihara dengan sebanyak yang boleh dan mendokumentasikan penulisan tujuh qiraah dalam sejumlah mushaf sebagai bahan rujukan bagi umat Islam tentang adanya keragaman qiraat dalam membaca al-Quran (Mustopa, 2014).



6.0 KESIMPULAN

Hasil daripada perbincangan dan analisis yang dijalankan oleh penulis, kajian ini dapat disimpulkan kepada beberapa aspek sejarah, kodikologi dan perbandingan dengan metode penulisan dan penandaan al-Quran mushaf Uthmani. Berikut merupakan ciri dan bentuk utama yang dapat disimpulkan iaitu:

- 1) Berdasarkan kepada konteks sejarah dan senario umum penyalinan manuskrip al-Quran di Alam Melayu, manuskrip ini merupakan sebuah manuskrip yang ditulis pada kurun ketujuh belas Masihi.
- 2) Aspek dari analisis kodikologi mendapati manuskrip ini berasal dari daerah Madura, Indonesia kerana terdapat nama pangeran Jimat yang tinggal dan memerintah di daerah tersebut.
- 3) Antara ciri keunikan manuskrip ini ialah, penggunaan bahan tempatan iaitu kertas daluang atau jeluang yang dihiasi dengan iluminasi dan hiasan yang indah dalam penghasilan tulisan pada manuskrip al-Quran MSS 4322.
- 4) Penggunaan tinta emas pada jilidan, hiasan dan iluminasi al-Quran menunjukkan ia dihasilkan bagi menarik perhatian masyarakat Madura untuk mempelajari ilmu al-Quran.
- 5) Dalam aspek qiraat, pengarang menggunakan qiraat imam Āṣim riwayat Ḥafṣ, hanya 23 perkataan ayat sahaja menggunakan qiraat Nāfi' riwayat Qālūn.
- 6) Setelah melihat kepada aspek qiraat yang menjadi sebahagian penting pada teks al-Quran. Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa faktor yang boleh dikategorikan penyebab kepada kekurangan pada manuskrip al-Quran MSS 4322 ini, antaranya pengarang mungkin bukan dalam kalangan hafiz al-Quran sehingga terdapat ayat yang tertinggal atau tidak sempurna tulisannya, akan tetapi penyalinnya berbakat dalam menulis dan membuat hiasan.

Dengan adanya kedua-dua jenis qiraat ini di dalam manuskrip al-Quran MSS 4322. Jelaslah menunjukkan bahawa, terdapat keragaman qiraat dalam setiap penulisan mushaf al-Quran kuno, yang ditulis oleh ulama dan penyalin al-Quran sebelum al-Quran mula dicetak. Hal ini dibuktikan dengan penemuan beberapa penulisan mushaf kuno Nusantara yang terdapat padanya sejumlah wilayah dengan qiraat selain Āṣim riwayat Ḥafṣ. Perkara ini terjadi disebabkan oleh pada abad ke 19 dan awal abad ke 20, qiraat Āṣim riwayat Ḥafṣ masih belum mendominasi bacaan al-Quran seperti mana abad ini. Namun begitu, penggunaan qiraat Āṣim riwayat Ḥafṣ lebih menjadi keutamaan pengarang kerana ia mudah dibaca dan dipraktikkan berbanding enam qiraat yang lain.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Faḥḥ ‘Abd Ghānī al-Qāḍī. *Al-Wāfi fi Sharh Shātibiyyah fi al-Qirāat al-Sab.* (Jeddah: Maktabah al-Sudawi li al-Tauzi. 1992. 199.
- Afif Amrullah. (2015). Islam Di Madura, Pascasarjana STAIN Pamekasan. *Jurnal Islamuna*. vol.2. 14.
- Ahmad Munawar Ismail, Mohd Nor Shahizan Ali. (2012). Memahami Kualitatif Dalam Penyelidikan Pengajian Islam. *Fakulti Pengajian Islam. UKM Bangi, Selangor.*
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan.* McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd. Selangor.
- Ghazali Darusalam, Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidik Dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian.* Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Herman Busri. (2014). Islam Di Madura Abad ke 14-16 Masihi Perspektif Historis. *Kajian Disertasi Fakulti Adab dan Ilmu Budaya Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga Jogjakarta.*
- Kamal Azmi, Tusuf Marlon, Nurzatil Ismah Azizan, Zanariah, Sahlawati Abu Bakar. (2014). *Metodologi Penyelidikan Asas-Asas Ilmu Penyelidikan Islam.* Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Marzuki Muhammad Syatri. (2017). *Manuskrip Al-Quran di Aceh: Kajian Terhadap Naskhah Al-Quran Teungku Chik Awe Geutah.* Disertasi Jabatan Al-Quran dan Hadith. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.



- M Farhan. (2015). Pangeran Jimat Putra Mahkota Gerbang Salam yang Syuhada Muda. Laman sesawang <https://matamaduranews.com/pangeran-jimat-putra-mahkota-gerbang-salam-yang-syuhada-muda/>. diakses pada Mac 24, 2020.
- Mohd Rahim Jusoh Musa. (2019). Usul Qiraat Nafi' Al-Madani Riwayat Qalun & Warsy dari tariq Asy-Syatibiyah. Pustaka Khodim Al-Mushaf. Selangor Darul Ehsan.
- Mohd Rahim Jusoh Musa, Abu Hamid Ramlan. (2019). Pengenalan Ilmu Qiraat. Pustaka Khodim Al-Mushaf. Selangor Darul Ehsan.
- Mustopa. Keragaman Qiraat dalam Mushaf Kuno Nusantara. (2014). Jurnal Suhuf, Vol. 7. No.2. Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Quran. Gedung Bayt Al-Quran TMII, Jakarta. 20.
- Sayyid Lāshīn Abūal-Farah, Khālid Muḥammaad al-Hāfiz. Taqrib al-Ma'āni fi Sharh Hirz al-Amānī fi al-Qirāāt al-Sab. Madinah: Maktabah Dār al-Zamān li al-Nashr wa al-Tawzī. 2003.
- Siti Baroroh Baried, Siri Chamamah Soeratno, Saowe, Sulastin Sutrisno, Moh Syakir. (1985). Pengantar Teori Filologi. Pusat Pembinaan Dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan Dan Kebudayaan Jakarta.
- Ulfatun Hasanah. (2019). Tafsir Al-Quran Di Madura Periodesasi Metodologi dan Ideologi. Jurnal Kebudayaan dan Ilmu Keislaman. Universiti Nadlatul Ulama Indonesia, Jakarta. Vol 12, No. 1. 35.